# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 20 | RABU 14HB MEI, 1980. | رابو 28 جماديالاخير 1400 | PERCHUMA






# Sekolah Menengah di-bena di-Sungai Kebun

TAMBING yang tepian-nya suatu ketika dulu di-tumbohi oleh pohon2 pirapat, pidada laut, pidada nasi dan lain2 tumbohan liar di-ayer saperti rasau — kini telah bertukar wajah keaslian-nya lantaran di-landa oleh arus pembangunan moden. Kehendak2 untok memantuni tuntutan jenerasi moden hari ini ada-lah menjadi akibat kehilangan atau terombak-nya pemandangan2 asli yang mempunyai kesan dan sejarah-nya tersendiri. Pemandangan2 asli itu terpaksa mengalami perombakan kerana tuntutan masharakat hari ini dan demi untok melaksanakan pembangunan yang lebeh bererti dari keaslian itu.

Gambar2 atas ia-lah pemandangan yang melanda keaslian wajah di-salah satu kawasan Kampong Sungai Kebun. Kawasan ini dulu-nya tidak terfikir oleh siapa pun akan mengalami perombakan kerana kekusutan2 semak yang menyenakkan. Tetapi dengan kewujudan dan kemajuan teknoloji moden hari ini, apa yang di-fikirkan hari itu sa-bagai mustahil, kini telah mengalami kenyataan — kenyataan dengan ada-nya peralatan2 moden saperti jentolak2.

Di-kawasan ini-lah, dengan keluasan 22½ ekar akan tersergam-nya sa-buah bangunan sekolah menengah yang mana rangkaian pembenaan-nya sedang ranchak di-selanggarakan. Rangkaian bangunan ini di-jangka akan menelan belanja pembenaan sa-jumlah kira2 $35 juta dan perbelanjaan itu ada-lah meliputi bagi keselurohan kegiatan pembangunan dari kerja2 pembersehan kawasan atau tapak bangunan membawa hingga terdiri-nya kompleks sekolah tersebut.

Apabila siap, sekolah itu nanti akan boleh menampong sa-ramai 1,500 orang penuntut dalam aliran Inggeris dan Melayu dengan kemudahan2 penempatan 50 buah bilek antara-nya bilek2 darjah, bilek khas untok lukisan dan bengkel teknikal, bilek makmal sains, studio lukisan dan dewan besar dalam mana pembenaan untok bahagian ini bagi perengkat I akan menelan belanja kira2 $18.5 juta. Rangkaian perengkat I ini juga akan di-tampong lagi dengan pembenaan beberapa buah blok untok pentadbiran, sains rumah-tangga, pengajian perdagangan, surau, perpustakaan dan kanten yang pada keselurohan-nya kompleks tersebut akan mengandongi 17 blok.

Bagi menampong keperluan latehan2 fizikal, penuntut2 sekolah tersebut juga akan di-sediakan dengan pembenaan padang permainan, dewan gerak-badan dan dewan permainan dalam yang mana rangkaian ini akan di-laksanakan dalam perengkat II dengan menelan belanja $3.0 juta. Sementara perengkat III pembenaan rangkaian perumahan guru2 akan di-laksanakan berikut-nya yang akan menelan belanja kira2 $13.5 juta.

Dengan terbena-nya nanti bangunan sekolah menengah itu, ada-lah di-harapkan kesesakan penempatan penuntut2 di-beberapa buah sekolah menengah di-ibu negeri ketika ini akan dapat di-redakan kerana sedikit sa-banyak penuntut2 yang terlibat sa-bahagian besar-nya datang dari kawasan kampong ayer. Dari penempatan baru ini penuntut2 dari kampong ayer yang belajar di-sekolah2 menengah tidak lagi akan bersusah-payah menyeberang sungai untok pergi dan pulang sekolah, yang sa-tentu-nya juga biaya untok urusan demikian bagi sa-bahagian ibu-bapa atau keluarga akan dapat di-kurangkan.

Terbena-nya sekolah itu nanti dengan berbagai kemudahan dan kelengkapan yang di-perlukan, penuntut2 akan mendapat daya dorongan yang gigih untok

Lihat muka 16

## Manis-nya Iman

**RASULULLAH s.a.w. pernah berdo'a: "Ya Allah! Jadikan-lah aku orang yang tahu bershukor; jadikan-lah aku orang yang tahan sabar; jadikan-lah aku kechil dalam penglihatan mataku sendiri dan besar dalam penglihatan mata orang lain." — HADITH Nabi riwayat Al-Bazzar daripada Buraidah.**

## *Temasha Tamu Belia MBB*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negeri Brunei akan mengadakan satu Temasha Tamu Belia yang akan di-adakan di-Pantai Muara pada hari Ahad, 8hb Jun depan mulai jam 8.30 pagi.

Temasha sa-hari suntok itu di-anjorkan oleh bahagian Seksi Kebudayaan dan Kemasharakatan MBB dengan kerjasama 12 buah persatuan2 belia dan kebajikan yang bergabong dengan MBB.

Temasha Tamu Belia MBB kali yang pertama di-anjorkan oleh MBB itu di-jangka akan di-rasmikan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha itu nanti ia-lah permainan tradisional orang2 Brunei, warong, kelupis, pentas hiboran persembahan dari artis luar negeri, persembahan taridera Asterawani dan beberapa achara peraduan untok belia2.

Satu peraduan permainan tradisional orang2 Brunei juga akan di-adakan dalam temasha itu yang mana ia-nya terbuka kapada semua belia2 dari persatuan2 yang bergabong dengan MBB. Semua pendaftaran tidak di-kenakan bayaran tetapi peserta yang akan menghadhiri temasha dan peraduan tersebut hendak-lah datang sendiri. Dan semua pendaftaran akan berakhir pada 28hb Mei, 1980.

Permainan Tradisional orang2 Brunei yang akan di-pertandingkan itu ia-lah permainan kikek (Wau); Peraduan main Gasing dan Peraduan sepak raga bulatan.

Dalam pertandingan permainan kikek semua peserta hendak-lah memberatkan daya chipta pembuat-nya dan mereka hendak-lah mengutamakan chorak war-

Lihat muka 16

## Pusat Kesenian menjual lebeh $90 ribu barang2 pertukangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Kesenian dan Pertukangan Negeri Brunei telah memperolehi $92,613.00 dari hasil jualan barang2 pertukangan di-pusat itu dalam tempoh tiga bulan pertama — dari Januari hingga Mach.

Sumber Jabatan Muzium yang mengendalikan pusat itu menyatakan bahawa barang2 pertukangan dari perak ada-lah yang paling di-gemari dan merupakan kadar penjualan yang terbanyak dari pusat itu.

Berita Muzium menchatetkan bahawa pertukangan dari perak menchapai kadar 59.11 peratus dengan jumlah sa-banyak 615 yunit yang telah di-jual dalam tempoh tiga bulan pertama itu.

Bahan itu juga telah menchatet rekod jualan yang tertinggi dalam mana ia memperolehi hasil pendapatan purata sa-banyak $30,871.00 sa-bulan berbanding dengan purata jualan pada tahun 1979 yang hanya sa-jumlah $16,613.16.

Kain Tenunan berada di-tempat yang kedua dengan memperolehi hasil penjualan sa-jumlah $32,474.00. Jumlah ini ada-lah pendapatan bagi hasil jualan sa-banyak 148 yunit Kain Tenunan dari berbagai jenis dan bentok-nya.

Lihat muka 16

# SCIENCE SCHOOL TO BE BUILT

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan has allocated a sum of nine million dollars for the construction of a secondary science school in Kuala Belait.

The school which is expected to accommodate about 800 science-stream students is one of the several junior and secondary schools which are to be constructed under the new five-year development plan.

The Deputy Director of Education, Awang Abdul Razak bin Mohammad was speaking while addressing at the best education prizes presentation ceremony held at the Mabohai Preparatory English School here last week.

Awang Abdul Razak said, Mathematics and science are the most important subjects especially abroad where more than 85% of the courses offered need GCE 'O' Level passes in Mathemetics.

So, he said the Education Department has been slowly transforming the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan as a science school to be the complement of those schools which are weak and short of science and Mathematics subjects in the state.

"If we wish to attach much importance to academic standard, then we have to urge our students to switch to study the Mathematics and Science because without these two subjects, our students will face the problems in higher learning overseas in future", he stressed.

Earlier, Awang Abdul Razak clarified that the presentation of prizes to best students of the junior schools is vital to improve the quality of education in junior schools.

"I wish to draw the attention of the teachers and principals that the efforts of selecting the best students will not deviate from its basic principle to emphasise the education among our children so that we will not forget to educate our children in accordance with our national ethics and community and furthermore to help the less able students who need the remedial assistance", he said.

He said the students who are weak in schools are not because they do not have a good brain, but because they lack proper education and suitable guidance and for that matter, we should always give them the same assistance irrespective of the abilities of the students.

He also congratulated the successful students and hoped that they will be more determined to achieve success. To those who are not selected, Awg Abdul Razak urged them to work hard in future and to regard the failure as a challenge to them.

A total of 133 students of the Junior Malay and Preparatory English Schools received the best students' awards for the year 1980.

The ceremony was made colourful with the dance, Hadrah and Nashid presentations. performed by the students of the Mabohai Preparatory English School.

# RBMR officers promoted

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan and Yang Dipertuan has graciously approved the promotions for several officers of the Royal Brunei Malay Regiment.

The Commanding Officer of the First Battalion, the Honourable Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud will hold the post of Deputy Commander, Assistant Adjutant and Quartermaster General of the Royal Brunei Malay Regiment.

The Honourable will take his appointment on 26th June. He will replace Lieutenant Colonel C J Bowden who will complete his service.

The post of the Commanding Officer of the First Battalion will be taken over by Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Lieutenant Colonel Dato Paduka Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir.

Lieutenant Colonel Haji Mahdini will assume his new appointment on 6th June.

The post of General Staff Officer II, Operation and Planning of the Regimental Quarters which was formerly held by Pehin Haji Mahdini was taken over by Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Major Haji Husin bin Ahmad with effect from 9th May.

Pehin Major Haji Husin was formerly the Deputy Commanding Officer of the Second Battalion.

The Post of the Deputy Commanding Officer of the Second Battalion is now held by Pehin Datu Perkasa Major Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid.

He was appointed to the post on 25th April. Before being appointed to his new post, Pehin Dato Ishak was Officer in Command of 'D' Company of the First Battalion.

# Army officers off for training

BERAKAS. — The Royal Brunei Malay Regiment sent several officers abroad for training last week.

Staff Sergeant Saidi bin Osman from the Airwing Unit left Brunei on Friday to undergo a six-week Ground Instructor Techniques Course at the Royal Air Force in Newton, Nottingham.

He started his training on Monday.

Another military officer, Lance Corporal Matasan bin Othman from the Force Workshop left for Singapore on Saturday to receive a one-month training which also commenced on Monday at the Weapon and Optical Base, Mount Veron Camp there.

Meantime, the regiment's First Flotilla held a tug-of-war contest among teams last Thursday morning at the Flotilla Base in Muara.

The annual competition was divided into two sections.

The champion in the Section A was the Support Division and the Section B was won by the Missile Gunboat Division.

The winners will represent the Flotilla in the regimental contest.

The wife of the Commanding Officer of the Flotilla, gave away the prizes.

Meanwhile, an Inter-Unit Boxing Tournament took place at the Berakas Camp Gymnasium on Wednesday night.

The First Battalion of the regiment emerged as the overall champion.

Some 40 boxers representing all the units of the regiment participated in the tourney which lasted for two days.

The best boxer was private Hamid of the Special Boat Squadron.

The Commander of the regiment, Brigadier Duncan Cameron, presented the prizes.

# *Swimming competition*

BANDAR SERI BEGAWAN. — An age-group swimming championship will be held soon.

The contest is for the first time organised by the Welfare, Youth and Sports Department.

It will be divided into four groups, and swimmers up to 20 years of age are eligible to take part.

Those interested can still obtain entry forms from the Organising Secretary, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid, at the Anggerek Desa Swimming Pool until tomorrow.



State Legislative Councillors visiting the Binding Section of the Printing Department.

# Councillors visit Printing Dept.

BERAKAS. — Eight State Legislative Councillors paid a visit to the Printing Department here last week.

Their leader was the Hon'ble Awang Haji Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid.

The Acting Clerk of Councils, Awang Abdul Rahman Kani was also in the party.

Mr S.M. Buse briefed them on the functions of the department during their visit.

# PART-TIME TEACHERS WANTED

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is inviting suitably qualified candidates to be temporary or part-time English-medium teachers on a daily rated basis.

Applicants are required to teach the English Language, Accounts and Commerce as well as Typing and Office Practice.

The appointment will be for one year in the first instance and thereafter renewable at one year intervals.

One-month notice of resignation is required and if the candidate's service is terminated, then one-month notice will be served.

The Director of Education is unable to arrange the immigration sponsorship nor provide accommodation.

The qualification and salary of a part-time teacher are that an Honours Degree of a recognised university is $51.50 per day, an ordinary degree of a recognised university is $42 per day, and a Teacher's Certificate and four 'O' Level is $35 per day.

Application forms are obtainable from the Education Department, Technical Section and should be submitted in duplicate to the Organiser of Technical Education.

# Awang Morni receives Ph.D.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dr Morni Othman (31), a Senior Agricultural Officer and Head of Agronomy Section with the Department of Agriculture, was conferred with Ph.D. degree 'in absentia' on May 9 by the Lincoln College of Canterbury University, New Zealand.

Born in Kuala Belait, Dr Morni started his early education at Sengkurong Malay School from 1955 to 1959.

He continued at SOAS College until he passed Senior Cambridge Certificate of Education in 1968.

With the Brunei Government scholarship, he went to United Kingdom for his 'A' Level, but after about 2 months there, he proceeded to Canada to undertake a degree course.

In June 1973, he graduated from Macdonald College of McGill University with a B.Sc. (Agr) degree with Honours.

He came back to Brunei and joined the Department of Agriculture as Agriculture Officer in Agronomy Section and later as Agronomist until March 1979.

In November 1975, he went to New Zealand to undertake a M.Agr.Sc. degree at Lincoln College of Canterbury University on a Brunei Government In-Service Training Programme and a New Zealand Government Commonwealth Scholarship Plan.

In April 1977, he was transferred from M.Agr. Sc. course to a Ph.D. course which was completed in August 1979.

He then resumed duty as Head of Agronomy Section with Department of Agriculture in Brunei.

He went back to New Zealand in March 1980 for his Oral Examination to complete the formality.

# Seminar on Government management

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sixteen senior government officers are going to attend a four-day seminar on government management.

The seminar is conducted by the Establishment Department and will be held at the department's Training Centre in Jalan Berakas.

The Seminar the third of its kind, is aimed at giving the participants a chance to study various methods in dealing with problems and to learn the skill to tackle them in a systematic approach.

# SA-CHEBIS MENGENAI ABAD PERTENGAHAN DAN ZAMAN KEBANGKITAN

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZI
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Se
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

### Siri ke-32

### PERANG SALIB

DALAM abad pertengahan berlaku *Perang Salib* di-antara Nasrani dengan Islam. Walau pun orang2 Eropah pada hakikat-nya bukan penganut sejati ugama Nasrani, tetapi tiada-lah menghalang orang2 Eropah itu bersekutu dan ta'assub melawan Ugama Islam dan penganut2-nya. Peperangan itu kadang2 sampai kapada perengkat bermahrajalela. Ta'assub atau fanatik itu menunjokkan ugama itu ugama palsu kerana orang2 yang berugama dengan ugama yang tulus lagi benar tiada-lah perasaan ta'assub di-sebabkan mendapat hidayat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Peperangan Salib di-antara Nasrani melawan penganut2 Islam sa-chara tidak langsong telah membawa perubahan kehidupan orang2 Eropah. Perhubongan orang Eropah dengan orang2 Islam di-negeri Maghribi dan Spain ada-lah juga sebab penting yang mengubah sejarah Eropah kapada sejarah zaman baharu.

Sa-patut-nya pertembongan antara orang2 Nasrani dan orang2 Islam itu membawa mereka mengambil petunjok dan hidayat menurut ajaran2 Allah. Tetapi sa-balek-nya mereka bermusoh dengan orang2 Islam dengan sa-ganas2-nya, malahan menentang 'aqidah dan keperchayaan ugama Islam dengan sa-luas2-nya.

### TA'ASSUB YANG MELAMPAU

Ada pun permusohan mereka dengan pemelok2 Islam itu ada-lah hasil dari ta'assub yang melampau, natijah dari peperangan Salib. Sabahagian-nya ada-lah di-sebabkan kebodohan gereja dan perbuatan2-nya yang membakar darah manusia.

Gereja memerangi ilmu, gereja memerangi kebebasan, gereja melakukan perbuatan luchah dan buas pada hal ia menyeru hamba Allah supaya bertakwa dan berperangai mulia. Sa-lain dari keburokan itu ia juga mengenakan chukai2 dan yuran2 yang berat, makan darah dan memeras tenaga manusia. Mereka menggunakan tenaga manusia itu di-ladang2 gereja tanpa bayaran, di-samping membiarkan tenaga2 buroh dalam keadaan papa dan sengsara. Perkara ini sabagai sa-bahagian dari lain2 faktor menjadikan kebangkitan Eropah dalam keadaan tiada berugama (secular) dan bergerak sedikit demi sedikit jauh dari 'aqidah (keperchayaan) kapada Tuhan.

Jadi dapat di-sifatkan bahawa Eropah pada zaman kebangkitan itu berbalek semula kapada zaman Jahiliyah dan Jahiliyah Roman, tiada berugama dan tiada berperasaan keugamaan.

Sunggoh pun begitu ada pula orang2 mengatakan Eropah telah keluar dari zaman gelap gelita ka-arah suatu zaman chahaya dan ilmu pengetahuan.

### PERANAN ISLAM

Bagi mereka yang 'arif dan pengkaji yang sejati akan mengatakan bahawa chahaya itu terbit dari alam Islam ka-arah ufok Eropah. Islam-lah yang membebaskan akal mereka dari perkara2 karut dan dongeng, membebaskan diri mereka dari chengkaman kuasa gereja yang zalim lagi iniaya. Islam-lah juga yang menghilangkan perasaan kehinaan dari jiwa manusia lalu bangkit menchari kebebasan.

Tetapi orang2 Eropah tiada mengambil chahaya itu menurut sa-wajar-nya dari perkara2 dasar atau asas. Tiada mengambil petunjok dan tiada berpegang dengan petunjok, tiada menuju kapada Allah menerusi sistem Islam.

**Tetapi orang2 Eropah tidak mengambil chahaya itu menurut sewajar-nya dari perkara2 dasar atau asas**

Bahkan sa-balek-nya engkar akan budi guru-nya yang pernah mengajarkan ilmu pengetahuan. Mereka (orang2 Eropah) seterusnya melakukan penyiksaan ka-atas orang2 Islam dan menghalau orang2 Islam dari Spain.

Telah menjadi kenyataan dan sejarah yang tidak dapat di-sangkal lagi bahawa Eropah telah belajar dari orang2 Islam akan ilmu pengetahuan, belajar tamaddun dan belajar erti kebebasan dan lain2 lagi, sa-hingga-lah Eropah menchapai kebangkitan ilmu pengetahuan saperti yang kita lihat sekarang.

Orang2 Eropah pada mula-nya berpuak2 dan berpechah-belah kemudian mereka bersatu di-bawah nama satu bangsa menentang tuan2 tanah yang zalim yang menguasai tanah2 mereka sendiri. Tuan2 tanah itu berkuasa membuat undang2, berkuasa memberi keputusan dalam perbicharaan, berkuasa menjalankan hukum2 yang telah di-putuskan, malahan tuan2 tanah itu sa-bagai *tuhan* berkuasa di-atas hamba2 yang di-pandang hina.

Semua pengertian kebebasan ini telah mereka pelajari dari orang2 Islam. Akan tetapi sunggoh pun begitu mereka maseh tetap dalam keadaan Jahiliyah, tiada mengambil petunjok dari peratoran2 Allah dalam semua perkara itu.

Dengan yang demikian, hilang-lah peluang bagi Eropah untok selamat. Ya, mereka telah belajar, telah bertamaddun, telah bebas dan telah mendirikan satu tamaddun yang besar dan panjang tetapi semua-nya itu berdiri di-tepi jurang kebinasaan.

### ZAMAN ISLAH

Dalam keadaan hidup dengan semangat menyembah berhala dan dalam keadaan berugama Keristian itu, timbol di-Eropah suatu gerakan yang di-namakan *Islah Ugama*, suatu gerakan yang hendak mengembalikan ugama itu ka-arah ketulinan-nya, dan berusaha supaya ugama itu menguasai sa-berapa luas lapangan hidup di-Eropah. Tetapi perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan jaya-nya sebab ugama itu sendiri dan orang2 yang menjalankan *Islah* — tiada begitu jelas kerana maseh terpengaroh dengan kesan2 dan chara hidup Jahiliyah ia-itu chuba mengasingkan keperchayaan 'aqidah dari shari'at yang menghukumkan kehidupan orang sa-hari2 dan membenarkan suatu undang2 lain dari shari'at Allah.

Sementara itu gerakan *Islah* juga mempunyai tujuan2 lain ia-itu tujuan kebangsaan (bukan semata2 tujuan ugama) maka tim bol-lah suku2 Eropah yan hendak menonjolkan k bangsaan masing2 ing memisahkan gereja mere dari Pop Rom, sedangk perpisahan itu berlawan dengan tabiat 'aqidah (k perchayaan) yang meny roh manusia berhimp dan bersatu padu dala menuju ka-arah menta hidkan Allah. 'Aqidah i tidak-lah berdiri di-at asas kebangsaan sa-cheb bumi yang di-diami ol sa-suatu kaum atau bangs

Ugama yang sa-bena nya turun dari Allah mem punyai tujuan bagi men hubongkan manusia i dengan Allah dan bagi m nyusun atau mengator k hidupan-nya sa-hari2.

### KAUM PEMODAL (KAPITALIS)

Dalam sebok2 menjala kan gerakan *Islah Ugam* oleh suatu kumpola orang2 Eropah itu, mak kaum kapitalis pula be gerak membuat perubaha di-atas bumi Eropah, d ngan tiada berasaskan k pada ugama. Tindak ta duk mereka tidak lari da riba, churang, merompa makan darah buroh da menginiaya orang ram Pendek-nya berbagai2 la tipu helah mereka semat untok meraeh keuntong besar dan hidup senang nang tanpa memikirk hukum2 ugama dan kesus han orang lain.

Orang2 yang memerhat kan perjalanan sejarah Er pah mendapati Eropah m nuju sedikit demi sedik ka-arah tiada berugam (Allah-Dinniyah atau *secu larism*) dalam segala l pangan hidup.

Tetapi perkembangan t ada berugama atau secula ism itu lambat bergerak s hingga datang kurun ke-1

*WALLAHU A'LAM*




# MENGINGATI MATI

KITA manusia masa ini sering di-kelilingi oleh suasana lalai dan mementingkan hidup keduniaan dari akhirat, di-mana sa-olah2 yang kita ini akan hidup sa-lama2-nya. Sa-bagaimana yang dapat kita ukor, kita telah jauh di-hanyutkan oleh keadaan kebendaan, dengan menumpukan sa-penoh hidup kita kapada menyediakan harta benda untok kepentingan hidup di-dunia. Kita jarang sa-kali, dan boleh di-katakan tidak ada langsong mengingat akan mati. Atau hari kiamat atau akhirat. Kita harus-lah tahu yang mana mengingat mati itu ada-lah satu jalan yang boleh mendatangkan keinsafan dan mendorong jiwa kita untok bertaubat.

Saidina Umar bin Abdul Aziz bin Maruan bin Al-Hakam r.a. pernah mengumpol ulama dan berbinchang tentang mati, kiamat dan akhirat kemudian mereka menangis sa-akan2 ada mayat di-hadapan mereka. Rubaie bin Khaitham pula telah menggali lobang perkuboran di-dalam rumah-nya di-mana ia sering tidor di-dalam-nya. Kerana di-fikirkan-nya perbuatan-nya itu banyak mengingatkan diri-nya tentang mati. Tetapi bagaimana dengan kita ada-kah kita harus takut kapada yang tetap berlaku kapada kita?

Kita mesti-lah sedar bahawa kita yang hidup di-dunia ini akan menemui mati, di-mana kita tidak dapat melarikan diri daripada-nya. Firman Allah dalam ayat 78 Surah An-Nisa' yang bermaksud : *Di-mana sahaja kamu berada kematian akan mendapatkan kamu walaupun kamu di-dalam benting yang tinggi lagi kokoh.*

Dari itu Ugama Islam telah mengingatkan kapada manusia sa-masa hidup ini supaya jangan lupa mengingat mati, dan mempelajari hakikat mati, supaya dapat menempoh mati dengan pengertian dan kesedaran, kerana orang yang sering mengingat mati, mesti akhlak dan budi pekerti-nya lebeh baik, di-mana dia akan jauh dari sifat2 yang di-benchi oleh Allah dan akan bersifat tenang, hormat dan sopan terhadap sa-tiap saudara dan terhadap orang lain. Dan dengan mengingat mati juga banyak bahaya2 yang boleh merosakkan negara dapat di-hindarkan.

Maka satu jalan yang amat baik untok mengingat mati saperti ajaran Allah dan Rasul-Nya ia-lah agar kita sering menjengok sanak saudara, sahabat2 yang sedang menderita kesakitan, sering menyaksikan orang yang menghembuskan nafas-nya yang akhir, dan sering turut mengurus jenazah, memandikan, menyembahyangkan dan menghantar-nya ka-perkuboran.

Mari-lah kita bersedia bekalan dengan sa-chukop2-nya untok menghadapi hari akhirat masing2, kerana masa untok kita hidup di-dunia tidak di-ketahui berapa lama-nya bila masa di-kehendaki masa itu-lah kita pergi, di-mana tiada sa-siapa yang dapat menolong kita samada dengan harta atau kuasa sa-kalipun.

# Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini baru2 ini sa-orang perempuan Inggeris, Koulap Varmanavong telah memelok Ugama Islam dan melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Haji Mohd Murad bin Abang Ali, Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh, Brunei. Dia kini di-kenali sa-bagai Faizah bte Abdullah.

Manakala di-Daerah Temburong telah juga berlangsong majlis pengIslaman di-mana sa-keluarga Iban sa-ramai 6 orang telah memelok Ugama Islam di-satu majlis yang di-adakan di-rumah mereka di-Kampong Kenua.

Mereka kini masing2 di-kenali sa-bagai Mohd Basri bin Abdullah, Dayang Alipah bte Abdullah, Mahlan bin Abdullah, Juliah Mohd Basri, Yusri bin Mahlan dan Hasmah bte Mahlan. Mereka melafadzkan ikrar Islam mereka di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd Rahim bin Akim dan Imam Ahmad bin Tengah.

Sa-orang lagi gadis Inggeris Dayang Mindy Allan, 20 tahun memelok Ugama Islam di-satu majlis yang berlangsong di-rumah Pesurohjaya Pulis Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid di-sini minggu lepas. Dia melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin, dengan memileh nama Islam-nya sa-bagai Surayani Roaina bte Abdullah (Gambar kanan).

Majlis pengIslaman bagi sa-orang pemuda Bisayah telah juga di-langsongkan di-rumah Pg Tuah bin Pg Mohd Daud di-Kampong Lambak, Jalan Pasir Berakas pada Khamis 1hb Mei lepas.

Pemuda tersebut, Awg Louis Semain berumor 23 tahun telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Awg Mohd Yassin bin Abdullah. Kelihatan di-gambar bawah beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awg Hj Mohd Tamin bin Abd Hamid.





## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Mei, 1980 hingga ka-hari Selasa 20hb Mei, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 15hb Mei | 12.23 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.38 | 4.52 | 6.06 |
| 16hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 17hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 18hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 19hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 20hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

O Bingkisan minggu ini

# TAKWA

MENURUT ajaran Islam bahawa dunia bukan-lah sa-bagai matalamat atau tujuan kehidupan kita, ia-nya hanya-lah sa-bagai alat untok menyampaikan kapada tujuan kita yang mutlak, ia-itu-lah alam akhirat. Oleh sebab itu-lah orang2 Islam tidak di-kehendaki beramal dan berbuat kebaikan yang sa-mata2 untok mendapatkan kemegahan hidup di-dunia, kerana yang demikian itu tidak akan dapat menchapai tujuan mutlak kita sa-bagai hamba Allah.

Untok menchapai tujuan kehidupan kita yang sa-benar-nya, maka satu2-nya sifat atau dasar hidup muslim yang sangat di-tuntut oleh Ugama Islam ia-lah berlaku ikhlas dan bertakwa dalam melakukan apa jua pekerjaan yang berkebajikan serta apa jua anugerah kornia yang di-datangkan kapada kita.

Kehidupan di-dunia yang di-anggap sa-bagai jambatan untok ka-akhirat ada-lah satu proses di-mana suka dan duka, senang dan susah serta sedeh dan gembira saling tukar berganti. Proses kehidupan yang di-sebutkan itu tidak lain dan tidak bukan ada-lah sa-mata2 kornia daripada Allah kapada sekalian hamba-Nya dan di-situ pula terdapat berbagai-bagai nekmat yang kadang2 tidak ternampak dalam pandangan kita sa-bagai manusia.

Proses kehidupan yang suka, senang, gembira dan mewah umpama-nya, jarang-lah menjadi satu persoalan yang sering di-perkatakan oleh manusia, kerana ia-nya menjadi chita2 kehidupan kita yang semula jadi, tetapi dalam proses kehidupan yang duka, susah serta sedih, ia seringkali menjadi kelohan perasaan dan rintehan hati, pada menyesali nasib yang menimpa diri sendiri.

Ambil-lah sa-bagai chontoh, mithal-nya sa-orang itu gagal dalam usaha-nya sa-telah sekian lama ia berusaha, atau sa-seorang itu mendapat satu kemalangan meskipun ia telah berhati-hati, maka kejadian2 yang telah berlaku itu seringkali membawa kapada rintehan dan kelohan. Bahkan lebeh jauh dari itu kadang kala hingga sampai kapada penyesalan terhadap Yang Maha Kuasa yang kononnya membezakan nasib-nya dengan orang lain.

Sa-sunggoh-nya, kelohan yang sa-demikian itu di-sisi ugama, ada-lah kelohan dan rintehan dari sa-orang hamba yang tidak bertakwa. Dia sa-sunggoh-nya tidak ikhlas kapada chobaan yang di-datangkan kapada-nya. Dan sa-sunggoh-nya dia tidak sedar yang pengertian kehidupan ini ada-lah chobaan dan chabaran yang sa-tiap hamba mesti menghadapi-nya sa-bagai ukoran takwa-nya kapada Allah.

Dari pandangan ugama perbuatan tersebut boleh membawa kapada murtad dan berdosa besar sa-andai-nya sa-seorang itu sudah tidak dapat menguasai perasaan-nya lantaran perbuatan-nya sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi ia-itu berasa sangsi atau memperkechil-kechilkan nekmat Allah.

Oleh yang demikian betapa penting-nya sifat takwa dan ikhlas tersebut terhadap anugerah Allah Yang Maha Kuasa, yang kira-nya akan memperkokohkan jambatan perjalanan kita untok menuju alam akhirat.

# Peraduan untok pileh wakil

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan mengadakan peraduan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an untok memileh wakil-nya ka-Peraduan Membacha Koran bagi jabatan2 Kerajaan yang beruniform.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-Surau Jabatan Imigeresen pada hari Jumaat 23hb Mei mulai jam 2.30 petang.

Peraduan ini di-adakan pada sa-tiap tahun antara pegawai2 dan kakitangan yang beruniform. Pada tahun ini, Jabatan Kastam dan Eksais akan menjadi tuan rumah peraduan tersebut.

# MENGENAL MU'TAMAR AL-A'LAM AL-ISLAMI

## (World Muslim Congress)

UNTOK pengetahuan ramai, saya suka-lah menulis sa-pintas lalu berkenaan Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami yang mempunyai sejarah dan perjuangan-nya yang tersendiri dan panjang.

**MULA DI-TUBOHKAN**

Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami ada-lah merupakan pertubohan raayat (bukan Kerajaan) telah di-asaskan penubohan-nya oleh beberapa orang tokoh kenamaan Islam pada tahun 1344 Hijrah bersamaan dengan tahun 1926 Masehi. Di-antara tokoh2 kenamaan Islam itu ia-lah Kiayai Shaikh Umar Coakrominoto dari Indonesia, Shaikhul Azhar dari Mesir, Fadzilatus Shaikh Aminul Hussaini, Mufti Besar Palestine, Rashid Rida dan lain2 lagi. Duli Yang Maha Mulia Raja Abdul Aziz Al-Saud, Raja Kerajaan Saudi telah menerima tokoh2 kenamaan Islam itu sa-bagai tetamu baginda di-Mekah pada ketika itu.

Dalam tahun 1926 itu-lah timbul persetujuan untok menubohkan satu pertubohan Islam Sa-Dunia yang tetap, tetapi rangka kerja-nya hanya dapat di-buat ketika di-adakan Mu'tamar yang kedua di-Baitul Makdis pada tahun 1931.

**MU'TAMAR KEDUA**

Mu'tamar kedua itu tidak kurang penting-nya di-bandingkan dengan Mu'tamar pertama kerana dalam Mu'tamar kedua ini untok pertama kali-nya telah di-rangka peratoran2 kerja dan peratoran2 Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami, dan di-adakan pemilehan pegawai2 bagi berbagai2 bahagian dan lembaga penasehat Mu'tamar. Dalam Mu'tamar ini Samahah Al-Haji Aminul Hussaini, Mufti Besar Palestine telah terpileh sa-bagai President Mu'tamar. Dr Mohammad Iqbal (Mewakili Benua kechil India) sa-bagai Naib President Pertama. Syed Alouba Pasha (Ketua perwakilan Mesir) sa-bagai Naib President Kedua. Syed Tabatobai dari Iran sa-bagai Setia Usaha. Di-antara ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Mu'tamar yang terpileh ketika itu ia-lah Syed Shukri Quwatli (kemudian-nya menjadi President Syria), Syed Riad Al-Solh (kemudian menjadi Perdana Menteri Lebanon). Jerusalem telah di-pileh sa-bagai pusat Mu'tamar hingga-lah permulaan Peperangan Dunia Kedua, apabila ia-nya di-rampas dan di-dudoki oleh British.

Di-susun dan di-tulis oleh :
Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal.

**ATAS perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, maka dua orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-hantar untok menghadhiri Mu'tamar Al-'Alam Al-Islami (World Muslim Congress) kali ka-lapan di-Famagusta, Cyprus (bahagian Turki) yang berlangsong pada 24hb hingga 28hb Mach, 1980 yang lalu, di-Hotel Salamis Bay. Pegawai2 tersebut ia-lah: Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei, dan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadzi Besar, Brunei.**

**Ini ia-lah kali ketiga Brunei menghantar perwakilan-nya untok menghadhiri Mu'tamar tersebut yang mana sa-belum itu perwakilan Brunei telah menghadhiri-nya dalam Mu'tamar kali kelima yang di-adakan di-Baghdad pada tahun 1962 dan kali ke-enam yang di-adakan di-Mogadishu pada tahun 1964.**

**CHOGAN KATA**

Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami mempunyai chogan kata yang di-petik dari Ayat Kor'an

(إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ)

tujuan-nya : SA-SUNGGOH-NYA ORANG2 MU'MIN ADA-LAH BERSAUDARA.

**ASAS PANDUAN**

(وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا)

Tujuan-nya: DAN BERPEGANG TEGOH-LAH KAMU SEKALIAN DENGAN TALI ALLAH (AL-KOR'AN) DAN JANGAN-LAH KAMU BERPECHAH BELAH.

**POLISI**

Bekerja untok perdamaian di-atas dasar keadilan dan persahabatan bagi semua pehak tanpa tolak ansor dalam perkara perinsip.

**SASARAN**

PERSAMAAN BAGI SEKALIAN UMAT MANUSIA.

